

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BILANGAN 9 TAHUN 2018

TARIKH : 29 OKTOBER 2018 (SELASA)
MASA : 9.00 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

HADIR

1. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* - Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. YDM Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.* - Ahli Majlis
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Encik Hamzah bin Abu Bakar - Ahli Majlis
7. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
8. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
9. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
10. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
11. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
12. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
13. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
14. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
15. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
16. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
17. Puan Nor Aishah binti Abdul Majid - Ahli Majlis
18. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
19. Encik Baharudin bin Misran - Ahli Majlis
20. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
21. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 22. | Encik Low Kok Hua | - | Ahli Majlis |
| 23. | Puan Norhaninawati binti Mohd Yusof | - | Ahli Majlis |
| 24. | Puan Siti Nor Eaini binti Nasuka | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Yunis Khalis binti Abdul Manap | - | Ahli Majlis |
| 26. | Encik Mohd Yasin bin Alwi, <i>A.I.S.</i> | - | Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 1. | Encik Miskon bin Haji Karim, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Perbendaharaan |
| 3. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Kejuruteraan |
| 4. | Tuan Haji Arpaai bin Haji Sanat, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan |
| 5. | Tuan Haji Zailani bin Hashim, <i>P.P.T., P.K.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |
| 6. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 8. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 9. | Puan Norain binti Mohamad | - | Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| 10. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan Landskap |
| 11. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Ketua Unit Perundangan |
| 12. | Encik Mohd Halid bin Roslei | - | Ketua Perunding Kawalan Pemajuan |
| 13. | Cik Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 14. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |

- | | | | |
|-----|--------------------------------------|---|--|
| 15. | Encik Zulhelmi bin Sanawi | - | Wakil Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 16. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Wakil Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam |
| 17. | Puan Norhafizah binti Zainal Abidin | - | Wakil Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 18. | Encik Mohd Khairul Anuar bin Zainois | - | Wakil Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|-----------------|
| 1. | Yang Berhormat Tuan Lau Weng San
ADUN Banting | - | Pemerhati |
| 2. | Yang Berhormat Tuan Haji Hasnul bin Baharudin-
ADUN Morib | - | Pemerhati |
| 3. | Encik P. Arumugam | - | Malaysia Nanban |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YDM Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, YB. ADUN Morib, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, Tuan Pengerusi memaklumkan perkara-perkara berikut:	
	2.1 Banyak aktiviti telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2018 dan antaranya termasuklah pemeriksaan premis pemprosesan sisa plastik haram. Pada hari ini, beberapa kontraktor akan dipanggil untuk menjalankan proses pelupusan sisa plastik yang terdapat di tapak kilang plastik haram.	Makluman
	2.2 Program Operasi Gagak (Ops Gagak) telah diadakan pada 28 Oktober 2018.	Makluman
	2.3 Beberapa siri perjumpaan bersama penduduk telah diadakan pada bulan Oktober antaranya perjumpaan bersama penduduk Taman Perwira bagi membincangkan perancangan MDKL untuk menyambungkan jalan taman dengan Kampung Mujahiddin yang baru. Pihak penduduk tidak bersetuju dengan perancangan ini memandangkan trafik di kawasan taman terlalu sibuk pada masa kini. Oleh itu, pihak Majlis akan berbincang dengan PKNS berkenaan perkara ini.	Makluman
	2.4 MDKL telah mendapat tempat ketiga dalam kategori pantai angkat dan johan bagi kategori sungai angkat dalam Pertandingan Pantai Angkat dan Sungai Angkat Peringkat Negeri Selangor.	Makluman

	2.5	Pihak Majlis menggalakkan jawatankuasa penduduk untuk berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di mana setiap jawatankuasa penduduk yang berdaftar layak untuk menerima bantuan geran keselamatan berjumlah RM10,000.	Makluman
	2.6	Pelekat kereta 'Khas' kepada Ahli-ahli Majlis akan diedarkan dalam masa terdekat memandangkan penggunaan 'crest' tidak dibenarkan selaras dengan Surat Pekeliling SUK bilangan 3 tahun 2016. Beliau juga memaklumkan program Retreat Ahli Majlis akan dibuat pada tahun hadapan.	Makluman
	2.7	Esok iaitu 30 Oktober 2018 merupakan Hari Perancang Bandar Sedunia dan Sambutan Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 3 November 2018 (Sabtu) di Alor Setar, Kedah. Pada 5 November 2018, MDKL telah dijemput hadir ke PICC untuk menerima Anugerah PBT Prihatin Orang Kurang Upaya (OKU). Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan program-program OKU di peringkat MDKL.	Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 8 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 SEPTEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Gan Yee Chin dan disokong oleh Encik Wong Kim Loon dengan pindaan berikut: i. <u>Perkara 5.1 (i) (m.s.4)</u> Cik Ang Lee Yong dipinda kepada Ahli Majlis.	Makluman

4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
		- TIADA-	
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BILANGAN 1 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 OKTOBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OKTOBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u></p> <p>Pengarah JPM memaklumkan Karnival Kebudayaan Kuala Langat 2018 akan digabungkan dengan program Morib 'Fun Run' 2018. Beliau juga memaklumkan setakat ini pihak jabatan telah menerima sebanyak 800 penyertaan daripada orang awam.</p>	Makluman
	ii.	<p><u>Perkara 5.1.1 (m.s.6)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status pembinaan bangunan baharu MDKL.</p> <p><i>Pengarah JKB memaklumkan pihak konsultan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menjalankan ujian pile iaitu 'Pile Dynamic Analysis' (PDA) dan 'Pile Integrity Test' (PIT). Kemajuan kerja sebenar adalah sebanyak 3.55% daripada 14.18% daripada perancangan (perbezaan -10.63%). Beliau juga memaklumkan sekiranya pihak kontraktor</i></p>	Makluman

		<p><i>mengemukakan laporan dengan segera, berkemungkinan kerja-kerja baik pulih mengambil masa 6 bulan.</i></p> <p><i>Mesyuarat juga dimaklumkan pihak kontraktor telah diarah oleh pihak konsultan untuk melantik pihak ketiga bagi membuat kajian berkenaan pergerakan tanah yang berlaku.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih memaklumkan untuk perancangan pembangunan akan datang, beliau mencadangkan satu kompleks sukan dibina di daerah Kuala Langat.</i></p> <p><i>Mesyuarat mengambil maklum cadangan ini.</i></p>	
	iii.	<p><u>Perkara 5.1.2 (m.s.6)</u></p> <p>Berkenaan pembayaran kepada pihak KDEB Waste Management, Encik Gan Yee Chin ingin tahu adakah pihak Majlis dikecualikan dari dikenakan caj GST dan SST.</p> <p><i>Pengarah JP memaklumkan satu mesyuarat telah diadakan di peringkat Negeri baru-baru ini. Dimaklumkan pihak Kerajaan Negeri akan menghantar surat kepada Jabatan Kastam untuk mendapatkan pengecualian.</i></p>	Makluman
	5.3	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 6 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OKTOBER 2018</p>	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OKTOBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	Makluman
i.	<u>Perkara 5.3.2 (m.s.9)</u> Encik Mat Irwan memaklumkan pada minggu lepas, kawasan Batu 9 & Batu 10, Kebun Baharu telah dilanda banjir kilat. Hasil lawatan YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar ke kawasan tersebut, beliau telah meminta supaya satu rancangan pembangunan yang lebih menyeluruh dibuat di kawasan Tanjung Dua Belas melibatkan pihak Majlis dan JPS.	Makluman
ii.	<u>Perkara 5.6.8 (m.s.11)</u> Encik Gan Yee Chin ingin tahu status pembinaan pondok bas di hadapan Masjid Olak Lempit. <i>Pengarah JK memaklumkan lantikan kontraktor telah dibuat dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.</i>	Makluman
iii.	<u>Perkara 5.7.2 (m.s.11)</u> Encik R. Haridass memaklumkan YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar telah bersetuju untuk memberi peruntukan bagi melaksanakan kerja pembaikan pagar gelanggang futsal di Taman Yayasan, Jenjarom.	Makluman
5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 OKTOBER 2018	
	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

i.	<p><u>Perkara 3.4.2 (m.s.4)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan terdapat banyak tanaman kontan di kawasan Taman Sari.</p> <p><i>Pengarah JL memaklumkan kaedah pemantauan serta tindakan susulan telah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa tempoh hari. Pihak jabatan telah mengeluarkan notis dan akan mengambil tindakan selepas tamat tempoh notis.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi meminta pihak jabatan turun padang berjumpa dengan pemilik tanaman kontan bersama jawatankuasa penduduk.</i></p>	Makluman
ii.	<p><u>Perkara 3.4.4 (m.s.4)</u></p> <p>Encik Mat Irwan mengucapkan tahniah kepada MDKL kerana telah berjaya menganjurkan program Operasi Gagak (Ops Gagak) baru-baru ini. Beliau juga memaklumkan ada menerima aduan berkenaan isu anjing liar yang semakin hari semakin bertambah bilangannya. Beliau berharap pihak Majlis dapat memberi fokus terhadap isu ini dan membuat hebahan media berkenaan operasi yang telah dijalankan.</p> <p><i>Encik Wong Kim Loon mencadangkan pihak jabatan berkerjasama dengan persatuan penduduk untuk menjaga perangkap yang dipasang.</i></p> <p><i>Encik Lim Tou Yih mencadangkan anjing liar yang ditangkap diberi kepada Persatuan Pekebun Kecil.</i></p> <p><i>Encik E. Munusamy memaklumkan pihak Sime Darby menggunakan perkhidmatan kontraktor untuk menangkap anjing liar di kawasan ladang dengan bayaran sebanyak RM15 seekor.</i></p>	JPSPKP

iii.	<p><u>Perkara 4.1 (m.s.5)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status kontraktor di zon beliau.</p> <p><i>Pengarah JPSPKP memaklumkan pihak beliau telah menghantar surat kepada pihak KDEB Waste Management supaya mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang bermasalah. Pihak Majlis juga telah meminta pihak KDEB mengemukakan pelan tindakan 'backup' seperti penambahan kapasiti pekerja untuk kawasan-kawasan yang kritikal. Seterusnya, beliau memaklumkan NTC pembersihan awam pada bulan September menunjukkan penurunan berbanding bulan Ogos.</i></p> <p><i>Cik Ang Lee Yong memaklumkan sehingga kini, pihak KDEB Waste Management masih belum mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan kontraktor yang bermasalah.</i></p> <p><i>YB. Tuan Lau Weng San mencadangkan Tuan Yang Dipertua membawa perkara ini dalam Mesyuarat Stanco untuk dibincangkan.</i></p> <p><i>Encik Low Kok Hua mencadangkan pihak Majlis mengadakan satu perjumpaan dengan kontraktor pembersihan awam bersama Ahli-Ahli Majlis. Beliau juga mencadangkan pihak kontraktor mendapatkan tandatangan MPP Zon setiap kali selesai menjalankan kerja.</i></p> <p><i>Encik S. Sethupathy mohon jadual pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal diedarkan kepada setiap zon.</i></p>	JPSPKP
5.6	<p>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2018 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 OKTOBER 2018</p>	
	<p>Minit mesyuarat ini telah diambil maklum dengan membincangkan perkara-perkara berikut:</p>	

	i.	Tuan Pengerusi memaklumkan Notis Pembaharuan Lesen Tahun 2019 telah diedarkan.	Makluman
	ii.	<p><u>Perkara 5.2.2 (m.s.17)</u></p> <p>Pengarah JPL memaklumkan isu ini telah selesai di mana peniaga yang menjual buah secara runcit telah dikenakan tindakan manakala peniaga yang lain dibenarkan untuk berniaga semula.</p> <p><i>Encik E. Munusamy mohon pihak JPK membuat pemantauan terhadap peniaga tanpa lesen yang berniaga pada waktu malam di Pekan Telok Panglima Garang.</i></p> <p><i>Encik Baharudin mohon pihak Majlis mempertimbangkan pemberian lesen kepada pengusaha Tadam Hill.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pengusaha Tadam Hill telah diminta menghantar permohonan rasmi kepada pihak Majlis.</i></p>	<p>Makluman</p> <p>JPK</p> <p>Makluman</p>
6.0		MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:	
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 17 TAHUN 2018 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 SEPTEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 18 TAHUN 2018 MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN 28 SEPTEMBER 2018	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

7.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Rosdi bin Meor Endut,		
	i.	Beliau mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada YDM Orang Besar Daerah, YB. Tuan Lau Weng San, ADUN Banting, YB. Tuan Haji Hasnul bin Baharudin, ADUN Morib, Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan MDKL yang hadir pada mesyuarat hari ini.	Makluman
ii.	<p>Dalam ucapannya, beliau ingin membangkitkan beberapa isu yang akan dihadapi iaitu konflik pencemaran alam dan desakan ekonomi.</p> <p>Konflik-konflik ini akan dihadapi pada tahun ini dan tahun seterusnya kerana MDKL telah menjadi satu tumpuan ekonomi yang mendadak.</p>		
iii.	Sebagai pemerintah kerajaan yang baru, pihak kerajaan menghadapi masalah mentaliti pembangkang dalam kalangan rakyat. Walau bagaimanapun, perkara ini akan selesai dalam masa 1 hingga 2 tahun.		
iv.	Ekonomi sejagat ' <i>versus</i> ' ekonomi setempat. Seperti yang sedia maklum, ekonomi sejagat sedang menghadapi keadaan yang tidak menentu manakala ekonomi setempat pula dalam keadaan berwaspada.		
v.	Beliau juga ingin tahu apakah persediaan MDKL dari segi modul insan, kelengkapan dan mentaliti untuk menghadapi masalah yang timbul seperti isu kilang plastik haram yang menjadi tumpuan rakyat baru-baru ini. Oleh itu, beliau berharap pihak Majlis dapat menyediakan kelengkapan yang cukup dan kesiapsiagaan modul insan untuk menghadapi keadaan yang tidak menentu ini.		

	vi.	Akhir kata, tanggapan di mana tugas PBT hanya mengutip sampah, mencuci longkang dan mencuci rumput perlu ditangkis kerana PBT merupakan satu badan khas yang diberi peranan untuk mentadbir satu kawasan sebagai kerajaan tempatan.	Makluman
8.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir dan turut memaklumkan temuduga PeBT akan diadakan pada 19 November 2018 jam 2.30 petang di Bilik Cempaka Kuning, MDKL.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh :

Urus Setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Daerah Kuala Langat


Tarikh : 1 November 2018

Disemak oleh :



.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
Setiausaha,
Majlis Daerah Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S., P.P.T.)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Rosdi bin Meor Endut tanpa sebarang pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mdkl 9/2018